



**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
PANDUAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN PROGRAM PENDIDIKAN
BERTERUSAN (CEP)**

1. PENDAHULUAN

Permohonan kelulusan program pendidikan berterusan atau lebih dikenali dengan *Continuous Education Programme Points* (CEP) hanya boleh dibuat melalui platform MySKUD. MySKUD hanya boleh diakses melalui MyKKP. Pemohon perlu mempunyai akaun MyKKP untuk mengakses MySKUD.

2. KRITERIA PEMBERIAN MATA

2.1 Satu (1) hari anjuran JKPP atau bersama JKPP diperuntukkan mata CEP sebanyak **8**.

2.1.1 Kursus, Seminar, Persidangan, Dialog, Bengkel, Konvensyen atau Ceramah Pembangunan Profesional Berterusan bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

2.1.2 Permohonan untuk kelayakan ini hendaklah disertakan dengan dokumen – dokumen berikut:

2.1.2.1 Surat Kerjasama/MoU bersama JKPP bagi menyatakan terdapat jalinan kerjasama antara Jabatan dengan pemohon; dan

2.1.2.2 Surat makluman sebagai perasmi daripada Ketua Pengarah / Pengarah JKPP bagi merasmikan program; dan

2.1.2.3 Surat persetujuan daripada pegawai JKPP sebagai penceramah (sekurang-kurangnya 1 slot ceramah)

2.2 Dua (2) hari atau lebih anjuran JKPP atau bersama JKPP diperuntukkan mata CEP sebanyak **15**.

2.2.1 Kursus, Seminar, Persidangan, Dialog, Bengkel, Konvensyen atau Ceramah Pembangunan Profesional Berterusan bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

2.2.2 Permohonan untuk kelayakan ini hendaklah disertakan dengan dokumen – dokumen berikut:

- 2.2.2.1 Surat Kerjasama/MoU bersama JKPP bagi menyatakan terdapat jalinan kerjasama antara Jabatan dengan pemohon; dan
- 2.2.2.2 Surat makluman sebagai perasmi daripada Ketua Pengarah / Pengarah JKPP bagi merasmikan program; dan
- 2.2.2.3 Surat persetujuan daripada pegawai JKPP sebagai penceramah (sekurang-kurangnya 1 slot ceramah)

2.3 Dua (2) hari atau lebih yang diiktiraf oleh JKPP diperuntukkan mata CEP sebanyak 15.

2.3.1 Program seminar atau konvensyen antarabangsa berkaitan KKP yang dirasmikan oleh Menteri.

2.3.2 Permohonan untuk kelayakan ini hendaklah disertakan dengan dokumen – dokumen berikut:

2.3.2.1 Kertas Kerja/Kertas Cadangan Program

2.4 Satu (1) hari anjuran oleh penganjur selain daripada JKPP diperuntukkan mata CEP sebanyak 5.

2.4.1 Program KKP yang mempunyai perkaitan dengan bidang tugas Pegawai Keselamatan Dan Keselamatan selaras Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan Dan Keselamatan) 1997 atau Pengamal KKP yang lain.

2.4.2 Bagi program secara bersemuka, Mata CEP akan diberikan secara automatik semasa permohonan pembaharuan OYK /SHO. Oleh itu, permohonan surat kelulusan melalui MySkud adalah tidak diperlukan.

2.4.3 Bagi program yang dijalankan secara atas talian untuk pertama kali, permohonan perlu dibuat melalui MySkud. Namun, tempoh kelulusan ini adalah terpakai bagi semua program yang akan dijalankan pada tahun yang sama dengan syarat program mengikut seperti kelulusan asal.

2.5 Dua (2) hari atau lebih anjuran oleh penganjur selain daripada JKPP diperuntukkan mata CEP sebanyak 10.

2.5.1 Program KKP yang mempunyai perkaitan dengan bidang tugas Pegawai Keselamatan Dan Keselamatan selaras Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan Dan Keselamatan) 1997 atau Pengamal KKP yang lain.

2.5.2 Bagi program secara bersemuka, Mata CEP akan diberikan secara automatik semasa permohonan pembaharuan OYK /SHO. Oleh itu, permohonan surat kelulusan melalui MySkud adalah tidak diperlukan.

2.5.3 Bagi program yang dijalankan secara atas talian untuk pertama kali, permohonan perlu dibuat melalui MySkud. Namun, tempoh kelulusan ini adalah terpakai bagi semua program yang akan dijalankan pada tahun yang sama dengan syarat program mengikut seperti kelulusan asal.

2.6 Dua (2) hari atau lebih anjuran oleh penganjur selain daripada JKPP diperuntukkan mata CEP sebanyak 5.

2.6.1 Program KKP yang TIDAK mempunyai perkaitan dengan bidang tugas Pegawai Keselamatan Dan Keselamatan selaras Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan Dan Keselamatan) 1997 atau Pengamal KKP yang lain.

2.6.2 Berikut adalah contoh-contoh program yang boleh dipertimbangkan:

2.6.2.1 First Aid

2.6.2.2 CPR

2.6.2.3 Emergency Response Plan

2.6.2.4 Fire Drill

2.6.2.5 Train the trainer

2.6.2.6 BOSET

2.6.2.7 Latihan yang diberi kepada pengendali-pengendali jentera di tempat kerja

2.6.2.8 Defensive driving training

2.6.2.9 Schedule Waste

2.6.2.10 Lain-lain program

3. SKOP PEMAKAIAN DAN KLASIFIKASI PROGRAM PENDIDIKAN BERTERUSAN

Rujuk Garis Panduan Sistem Mata Bagi Program Pendidikan Berterusan.

4. PANDUAN MENGGISI BUTIRAN PERMOHONAN

4.1. Maklumat Penganjur

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
1) Nama Penganjur*	Nama perniagaan /organisasi yang didaftarkan dengan pihak berwajib seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pendaftar Pertubuhan, Badan Profesional atau lain-lain. Contohnya: Syarikat Tunjuk Ajar Sdn Bhd / Persatuan Keselamatan Kelengkapan Tapak Bina
2) Alamat Penganjur*	Alamat pejabat/surat menyurat . Contohnya: No. 1, Taman Merbok, 43089 Sungai Coi, Selangor
3) Nama Pegawai Untuk Dihubungi	Jika nama pegawai untuk dihubungi adalah selain daripada nama pemohon
4) Nombor Telefon	Nombor telefon peribadi yang masih aktif
5) Emel	Emel yang terkini dan aktif

4.2. Maklumat Program

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
1) Nama Program*	Tajuk program atau kursus yang akan dilaksanakan Contohnya: Pengurusan Keselamatan & Kesihatan di Sektor Pembinaan
2) Jenis Program	Sila pilih jenis program daripada senarai yang disediakan
3) Kaedah Penilaian	Sila pilih jenis kaedah penilaian daripada senarai yang disediakan

4) Alamat Program Dianjurkan*	Alamat tempat program dijalankan atau nama platform yang digunakan sekiranya dijalankan secara atas talian
5) Tarikh Program	Tarikh mula dan tarikh berakhir program
6) Tempoh masa	Jumlah jam program Contohnya: 8 jam bagi program yang bermula dari pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang
7) Objektif Program	Tujuan program dijalankan Contohnya: Objektif kursus ini dijalankan adalah untuk memberikan pendedahan kepada peserta bagaimana menaksir hazard dan menganalisis risiko yang berkaitan serta menyediakan kaedah bagi mengawal risiko berkaitan
8) Bilangan Peserta	Sasaran bilangan peserta yang akan menyertai program
9) Kandungan Kursus/Topik	Senarai topik yang akan diberikan semasa program

4.3. Maklumat Penceramah/Tenaga Pengajar

BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
1) Nama*	Nama penuh penceramah sebagaimana di dalam Kad Pengenalan/Passport
2) Tahap Kelayakan*	Tahap kelayakan tertinggi penceramah dalam bidang yang berkaitan Contohnya: Sarjana Pengurusan Keselamatan Industri
3) Pengalaman*	Pengalaman bekerja sekurang-kurangnya Lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;atau

	Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas dalam bidang berkaitan.
4) Butiran Peribadi*	Muat naik resume penceramah dalam format .pdf yang mengandungi butiran lengkap merangkumi profil, maklumat pendidikan dan pengalaman penceramah
5) Salinan Sijil Kompetensi	Muat naik salinan sijil kompetensi penceramah dalam bidang yang berkaitan dengan tajuk yang akan diajar
6) Salinan Sijil <i>Train The Trainer</i>	Muat naik salinan sijil <i>Train The Trainer</i> (TTT) penceramah
7) Salinan Sijil yang dimiliki/berkaitan dan Surat Persetujuan Penceramah	Muat naik salinan lain-lain sijil yang dimiliki penceramah dalam bidang yang berkaitan dengan tajuk yang akan diajar dan surat yang mengandungi persetujuan penceramah untuk hadir dan mengajar tajuk yang persetujui

5. DOKUMEN SOKONGAN

5.1 Dokumen sokongan berikut hendaklah dimuat naik untuk permohonan ini dan perlu disimpan dalam format PDF.

DOKUMEN	NOTA PENERANGAN
1) Surat Kerjasama/MoU/Surat Persetujuan Perasmi	<p>Terpakai hanya kepada permohonan mata CEP 8 dan 15.</p> <p>Dokumen-dokumen yang diperlukan di bahagian ini ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Surat Kerjasama/MoU bersama JKPP bagi menyatakan terdapat jalinan kerjasama antara Jabatan dengan pemohon; dan b) Surat makluman sebagai perasmi daripada Ketua Pengarah / Pengarah JKPP bagi merasmikan program

<p>2) Modul/ Pelan pembelajaran/ Slaid persembahan bagi kursus/Program yang dijalankan*</p>	<p>Dokumen-dokumen yang diperlukan di bahagian ini ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Tentatif lengkap program yang mengandungi tempoh masa dan nama penceramah/tenaga pengajar bagi setiap topik b) Slaid persembahan yang digunakan bagi setiap topik
<p>3) Rekabentuk sijil yang akan dikeluarkan kepada peserta kursus*</p>	<p>Rekabentuk sijil yang akan dikeluarkan kepada peserta yang mempamerkan nombor rujukan kelulusan dan jumlah mata pada sudut kiri sebelah bawah</p>
<p>4) Gambar Premis</p>	<p>Muat naik gambar tempat kursus dijalankan yang mengandungi kemudahan dan kelengkapan yang disediakan</p>
<p>5) Borang Penilaian Peserta Kursus</p>	<p>Muat naik contoh borang penilaian peserta terhadap kursus</p>
<p>6) Lain-lain dokumen</p>	<ul style="list-style-type: none"> a) Program Atas Talian Sekiranya program dijalankan secara atas talian, pemohon perlu menghantar semua maklumat berikut melalui satu (1) pautan yang dinyatakan di dalam satu (1) dokumen PDF: <ul style="list-style-type: none"> i) Prosedur bertulis berserta carta alir menjalankan latihan online; ii) Pautan Video demo latihan; iii) Jenis platform dalam talian yang digunakan; iv) Prosedur kawalan kehadiran peserta latihan; v) Prosedur kawalan data peribadi peserta; vi) Kaedah penilaian, ujian atau kertas tugas (mana yang berkenaan); dan. vii) Kriteria pemberian sijil kepada peserta. b) Lain-lain dokumen yang diarahkan oleh Pengarah

6. KADAR BAYARAN

Tiada pembayaran dikenakan bagi permohonan Kelulusan Program Pendidikan Berterusan (CEP).

7. KELULUSAN

7.1. SECARA BERSEMUKA

Kelulusan diberi berdasarkan “one-off approval” untuk tarikh program itu dijalankan seperti permohonan.

7.2. SECARA ATAS TALIAN

Kelulusan bagi program 5 dan 10 mata yang diberikan adalah terpakai untuk semua program yang akan dijalankan pada tahun yang sama dengan syarat maklumat-maklumat program adalah tidak berubah. (Tajuk Program, Tempoh, Modul Pembelajaran dan Penceramah/Tenaga Pengajar)

8. PEMBATALAN/PENARIKAN BALIK KELULUSAN

Sebarang perubahan maklumat kelulusan adalah tidak dibenarkan dan akan menyebabkan kelulusan terbatal.

Kelulusan juga akan terbatal dengan sendirinya jika terdapat mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan, tidak dipatuhi atau ianya boleh ditarik balik pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang sebab.

9. PIAGAM PELANGGAN

Permohonan yang dikemukakan berserta dokumen yang lengkap akan diproses dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

Unit Peperiksaan dan Persijilan

Bahagian Keselamatan Industri

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

22 Mac 2021